



# SCHOTT Tatakelakuan

Versi 3.2 | Jun 2025



Selamat sejahtera warga kerja sekalian,

Pengasas kami, Otto Schott dan Ernst Abbe, telah menjadikan tanggungjawab sebagai sebahagian daripada budaya korporat kami.

Strategi jangka panjang kami adalah berdasarkan tadbir urus korporat yang bertanggungjawab dengan mempertimbangkan pekerja kami dan keluarga mereka, masyarakat kami dan sains serta alam sekitar.

Lebih daripada 130 tahun kemudian, kami masih mahu mewujudkan kepercayaan melalui tanggungjawab – kerana kepercayaan rakan kongsi kami pada syarikat kami ialah aset kami yang paling berharga. Kami hanya akan dapat melindungi kepercayaan ini dengan sentiasa bertindak dengan penuh integriti dan keikhlasan.

Menentukan prinsip kelakuan yang seragam adalah penting bagi kami sebagai syarikat teknologi yang beroperasi di peringkat antarabangsa terutamanya, disebabkan oleh cabaran

meningkat serta cabaran sosial dan iklim global. Oleh itu, Tatakelakuan SCHOTT kami telah berkuatkuasa sejak tahun 2010 dan bertindak sebagai garis panduan bagi tingkah laku yang bertanggungjawab dan wajar. Ini membantu kami menerapkan nilai ini dalam semua tindakan kami dan membuat keputusan yang betul dalam situasi kritikal dalam tugas harian kami.

## Merintis. Secara Bertanggungjawab. Bersama.

Kami semua membentuk interaksi harian di SCHOTT melalui tindakan kami. Dengan mematuhi Tatakelakuan kami serta semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan, kami memastikan kejayaan dan menjaga reputasi syarikat kami. Oleh itu, mari kami semua sama-sama bertanggungjawab dan sentiasa bertindak mengikut nilai yang terkandung di dalam ini di SCHOTT.

Kami amat berterima kasih kepada anda atas sokongan anda.



Dr. Andrea Frenzel

Ahli Lembaga Pengurusan  
sejak tahun 2023

Marcus Knöbel

Ahli Lembaga Pengurusan  
sejak tahun 2024

Dr. Torsten Derr

Pengerusi Lembaga Pengurusan  
sejak tahun 2025

Dr. Heinz Kaiser

Ahli Lembaga Pengurusan  
sejak tahun 2016

# Tatakelakuan kami menentukan tanggungjawab kami



## Tanggungjawab Kami dalam Berurusan dengan Satu Sama Lain . . . 6

Kelakuan yang Baik .....	6
Respek-menghormati, Kejujuran & Integriti .....	6
Kesedaran & Pematuhan .....	6



## Tanggungjawab Kami terhadap Kemanusiaan . . . . . 7

Hak Pekerja .....	7
Kebebasan Bersuara .....	7
Gaji dan Waktu Bekerja .....	7
Pembangunan Pekerja & Tiada Diskriminasi .....	8
Larangan Buruh Kanak-kanak & Buruh Paksa.....	8
Kesihatan & Keselamatan .....	9
Menggalakkan Rantaian Bekalan yang Bertanggungjawab.....	9



## Tanggungjawab Kami terhadap Alam Sekitar .. . . . . 10



## Tanggungjawab Kami sebagai Rakan Kongsi Perniagaan . . . . . 11

Persaingan Wajar .....	11
Pencegahan Rasuah.....	11
Konflik Kepentingan .....	12
Memerangi Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Pengganas.....	12
Kawalan Eksport & Kastam .....	13
Pematuhan Produk .....	13



## Tanggungjawab Kami terhadap Maklumat .. . . . . 14

Privasi.....	14
Perlindungan Maklumat .....	14
Keselamatan Siber .....	14



## Tanggungjawab Kami terhadap Pematuhan. .... . . . . 15



## Tanggungjawab Rakan Kongsi Perniagaan kami .. . . . . 16



## Skop & Pelaksanaan .. . . . . 16



## Maklumat hubungan dan maklumat lanjut .. . . . . 17



## Mukadimah

”

**Menjadi tujuan kita bersama untuk hidup dengan bertanggungjawab, untuk mengukuhkan kepercayaan dan untuk membina masa hadapan.**

Dr. Thorsten Derr,  
Pengerusi Lembaga Pengurusan SCHOTT AG

Matlamat penting Yayasan Carl Zeiss adalah supaya syarikat Yayasan ini dan subsidiarinya masing-masing memikul tanggungjawab sosial khas. Sejak syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1884 dan kemudian sebagai sebuah perusahaan Yayasan Carl Zeiss, SCHOTT AG komited untuk menjadikan tanggungjawab sosialnya demi kemanusiaan dan alam sekitar sebagai panduan bagi tindakannya dan kesan tindakan itu.

Dalam hal ini, Tatakelakuan SCHOTT kami menentukan prinsip penting bagi kerja harian kami. Selain nilai SCHOTT serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan, Tatakelakuan SCHOTT adalah berdasarkan prinsip Padat Global PBB.

Kami dengan itu komited untuk mendukung hak asasi manusia, mengekalkan amalan perniagaan yang lestari dan wajar, menghormati hak pekerja, menegaskan pendirian dalam menentang diskriminasi, sogokan dan rasuah serta menyokong persaingan wajar.

Dalam berbuat demikian, kami sedar akan tanggungjawab kami terhadap kesan ekonomi, sosial dan ekologi tindakan kami.

# Tanggungjawab Kami dalam Berurusan dengan Satu Sama Lain



## Kelakuan yang Baik

Prinsip asas SCHOTT adalah untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Semua pekerja mestilah mematuhi undang-undang dan peraturan ini, Tatakelakuan SCHOTT serta peraturan korporat yang berkenaan. Pelanggaran mestilah dielakkan tanpa pengecualian dan akan disiasat, dijelaskan dan disekat secara sistematis oleh SCHOTT.

**Melakukan perkara yang betul selaras dengan nilai dan prinsip korporat kami**

## Respek & Menghormati, Kejujuran & Integriti

Kelakuan kami di SCHOTT adalah berdasarkan nilai dan prinsip yang boleh digunakan secara universal, terutamanya respek & menghormati, kejujuran dan integriti.

SCHOTT mengikut amalan perniagaan yang bereputasi dan diiktiraf. Dalam berbuat demikian, kami membuat keputusan berkenaan dengan pekerja dan rakan kongsi perniagaan secara eksklusif berdasarkan pertimbangan fakta dan objektif.

## Kesedaran & Pematuhan

Segala pekerja bertanggungjawab untuk mematuhi prinsip Tatakelakuan kami.

**Kami menggalakkan budaya kekitaan yang saling menghormati**

Pengurus sentiasa bertindak sebagai orang hubungan yang boleh dipercayai bagi pekerja mereka. Selain itu, mereka memastikan bahawa pekerja mereka mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, Tatakelakuan SCHOTT serta peraturan SCHOTT dalam semua keadaan dan pada setiap masa sebagai sebahagian daripada tanggungjawab mereka sebagai pengurus.

# Tanggungjawab Kami terhadap Kemanusiaan



SCHOTT menghormati hak asasi manusia menurut Piagam Hak Asasi Manusia Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu. Dalam konteks ini, kami komited untuk mendukung standard buruh dan sosial yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Matlamat kami adalah untuk menghargai semua pekerja secara saksama dan menyokong mereka dalam mencapai potensi individu mereka.

## Hak Pekerja

Hak kebebasan untuk berpersatuan, kebebasan untuk berhimpun dan perundingan kolektif pekerja kami diiktiraf dan dihormati – setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan boleh dilakukan di negara yang berkenaan. Anggota organisasi pekerja atau kesatuan sekerja tidak diberi kelebihan atau dianaktirikan.

## Kebebasan Bersuara

Kebebasan menyatakan pendapat bagi semua pekerja dan hak kebebasan bersuara dilindungi dan didukung.

## Gaji dan Waktu Bekerja

SCHOTT mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan tentang gaji dan memastikan pekerja dibayar gaji dengan sewajarnya. Kami mematuhi peraturan keselamatan yang berkenaan dan peraturan tentang waktu bekerja di seluruh dunia.



## Pembangunan Pekerja & Tiada Diskriminasi

Di SCHOTT, kami menghargai dan mengalu-alukan perbezaan antara individu, budaya, pendapat dan perspektif. Oleh itu, kami menuntut dan menggalakkan penubuhan pasukan kejayaan merentas disiplin dan merentas budaya dengan yang dianggotai oleh semua jantina. Kami komited untuk membina budaya kepel-bagaian global yang memberi pekerja kami rasa bersepudu.

Oleh yang demikian, SCHOTT tidak akan bertoleransi dengan sebarang bentuk diskriminasi, gangguan atau penghinaan dalam apa-apa juga keadaan.

Semua pekerja berhak untuk menerima layanan yang adil, sopan dan dihormati oleh pengurus dan rakan sekerja. Maka, kami berharap agar semua pekerja kami menghormati ruang peribadi serta hak peribadi individu lain. Kami tidak akan bertoleransi dengan gangguan seksual dan pembulian, diskriminasi atau penghinaan dan perbuatan ini akan menyebabkan pelaku menerima akibatnya menurut undang-undang buruh.



## Larangan Buruh Kanak-kanak & Buruh Paksa

Tiada sesiapa boleh dipaksa bekerja atau diambil bekerja tanpa kerelaan mereka.

SCHOTT mematuhi larangan buruh kanak-kanak menurut standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labor Organization, ILO) dan menolak sebarang jenis buruh kanak-kanak, buruh paksa, perhamaan dan amalan yang serupa dengan perhamaan, pemedagangan manusia serta penggunaan, pemerolehan atau tawaran aktiviti haram.



**Kesihatan dan keselamatan pekerja di tempat kerja mereka merupakan keutamaan yang paling penting bagi SCHOTT**

### **Kesihatan & Keselamatan**

Dalam semua aktiviti perniagaan kami dan dalam kerjasama rapat dengan pembekal, kami mengekalkan standard kesihatan dan keselamatan yang tinggi dan dengan itu, mengekalkan kepercayaan pekerja, rakan kongsi perniagaan dan pihak berkepentingan kami yang lain. Dalam konteks ini, kami melakukan pelbagai jenis usaha untuk sentiasa meningkatkan tahap kesihatan, prestasi dan keselamatan pekerjaan pekerja kami.

Di SCHOTT, kami sentiasa berusaha untuk mencegah kemalangan dan kecederaan. Di samping itu, langkah pencegahan turut diambil untuk mengelakkan pendedahan kepada bahan kimia, fizikal atau biologi.

Kami bukan sahaja memastikan kami mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan tetapi turut memupuk budaya yang memastikan setiap individu rasa bertanggungjawab untuk meminimumkan risiko dan menggalakkan amalan kerja yang selamat. Hal ini merangkumi latihan pekerja secara tetap untuk memastikan keselamatan pekerjaan, meningkatkan sensitiviti terhadap risiko dan meningkatkan kesedaran tentang keselamatan.

### **Menggalakkan Rantaian Bekalan yang Bertanggungjawab**

Selaras dengan prinsip panduan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (Organization for Economic Co-operation and Development, OECD), SCHOTT memastikan bahawa kami tidak menggunakan mineral yang diperoleh dari kawasan yang terlibat dalam konflik dan berisiko tinggi yang pengekstrakan mineral tersebut menyumbang kepada pembiayaan konflik bersenjata atau melanggar hak asasi manusia pekerja perlombongan.

# Tanggungjawab kami terhadap alam sekitar



**Kami berusaha mencari penyelesaian lestari bagi mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub> kami.**



Perlindungan alam sekitar dan pemeliharaan sumber semula jadi ialah matlamat korporat yang utama bagi SCHOTT.

Ini ialah tanggungjawab sosial. Pada masa sumber semakin berkurangan dengan pantas dan alam sekitar berada dalam keadaan bahaya, kami menyasarkan untuk mencari jalan mencipta bahan kami yang memerlukan tenaga yang banyak sesuai untuk masa akan datang.

Oleh itu, kami telah menetapkan sasaran cita-cita yang tinggi berkenaan dengan perubahan iklim: Kami mahu mengurangkan jejak CO<sub>2</sub> daripada proses pembuatan kami (Skop 1+2). Kami melaksanakan inisiatif ini dengan pelan tindakan yang merangkumi empat bidang: perubahan teknologi, peningkatan kecekapan tenaga, peralihan kepada tenaga sumber hijau dan pengimbangan pelepasan. Selain itu, kami bekerjasama rapat dengan pembekal kami untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dalam rantaian bekalan (Skop 3). Dengan mengurangkan pelepasan, kami juga membantu pelanggan menambah baik jejak karbon mereka.

Di samping mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub> kami, SCHOTT bertekad untuk memelihara sumber semula jadi seperti tanah, hutan, dan air. Kami mencapai matlamat ini dengan mengurangkan jumlah sisa, penggunaan air, dan hingar bunyi serta pelepasan yang lain ke udara, air, dan tanah.

# Tanggungjawab Kami sebagai Rakan Kongsi Perniagaan



Selaras dengan nilai SCHOTT kami, yang menentukan dan menjadi panduan untuk aktiviti perusahaan dan tindakan SCHOTT, kami sentiasa bertindak sebagai rakan kongsi perniagaan yang berintegriti, memacu inovasi dan dengan itu memberikan nilai kepada pelanggan kami.

## Persaingan Wajar

**Kami mahu mendahului pesaing – tetapi sentiasa dengan cara yang wajar**

Semua pekerja diwajibkan untuk mematuhi peraturan persaingan wajar. Tiada perjanjian antipersaingan boleh dibuat dengan pesaing, terutamanya untuk menetapkan harga wajib, menyelaraskan tawaran, mengehadkan atau menetapkan sekatan atau kuota pengeluaran, atau membahagikan pelanggan atau pasaran.

Sebagai prinsip, pertukaran maklumat pasaran yang bersifat sensitif dan tidak diketahui umum dengan pesaing juga dilarang.

## Pencegahan Rasuah

**Tiada peluang untuk rasuah**

SCHOTT menolak sebarang bentuk rasuah. Hal ini terpakai bagi individu, syarikat, pihak berkuasa dan institusi lain.

Undangan, hadiah dan pertolongan lain yang melebihi nilai simbolik dan melebihi had yang munasabah mestilah ditolak dengan sopan tetapi tegas.

Pesan atau kontrak rundingan tidak boleh digunakan sebagai kaedah untuk memberikan pertolongan yang tidak wajar kepada pegawai awam, pekerja, atau rakan kongsi perniagaan atau saudara-mara dan/atau sekutu perniagaan mereka. Pampasan yang dibayar kepada mereka yang melakukan perkhidmatan untuk dan bagi pihak SCHOTT mestilah wajar, berkadar dengan perkhidmatan yang diberikan dan dibayar secara eksklusif untuk perkhidmatan yang sah.





**Kami mempertimbangkan kepentingan SCHOTT  
dan kepentingan peribadi dengan teliti**

### **Konflik Kepentingan**

Tiada pekerja boleh mengutamakan aktiviti perniagaan atau kepentingan peribadinya sendiri yang berkonflik dengan kepentingan sah SCHOTT.

Konflik kepentingan mungkin timbul, terutamanya, jika pekerja mempunyai hubungan (perniagaan) peribadi dengan rakan kongsi perniagaan SCHOTT atau pekerja mereka, atau jika mereka sendiri mempunyai kepentingan dalam syarikat yang mempunyai hubungan perniagaan dengan SCHOTT.

Pekerja SCHOTT tidak boleh bekerja untuk atau mengurus syarikat yang bersaing dengan SCHOTT atau terlibat dalam aktiviti yang bersaing dengan SCHOTT.

### **Memerangi Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Penganas**

SCHOTT menjalankan aktiviti perniagaan hanya dengan rakan kongsi perniagaan yang mempunyai reputasi yang baik dan telah disemak dahulu, yang mematuhi undang-undang dan peraturan antipengubahan wang haram dan antipembiayaan penganas dan memperoleh sumber mereka daripada sumber yang sah.

**Kami mematuhi sekatan  
dan menyokong usaha  
memerangi pengubahan  
wang haram dan  
pembiayaan penganas**

## Kawalan Ekspor & Kastam

SCHOTT mematuhi semua kawalan eksport dan peraturan kastam yang berkenaan di semua negara tempat kami menjalankan perniagaan. Semua pekerja yang terlibat dalam import dan eksport barang, perkhidmatan, perisian atau teknologi mestilah mematuhi.



**Kami menyokong produk berkualiti tinggi melalui inovasi, keberanian dan kepakaran**

## Pematuhan Produk

SCHOTT mengilangkan produk yang inovatif dan berkualiti tinggi. Oleh itu, sudah tentulah produk kami mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta keperluan kualiti pelanggan kami.

Reka bentuk yang mesra alam sekitar, perlindungan keselamatan dan kesihatan teknikal merupakan sasaran yang ditegapkan seawal peringkat pembangunan produk.

Melalui kepakaran, keberanian dan keterbukaan mereka, semua pekerja memberikan sumbangan agar SCHOTT sentiasa memenuhi tanggungjawab terhadap semua peserta dalam pasaran ini.

# Tanggungjawab Kami terhadap Maklumat



Dalam masyarakat digital, pengendalian semua jenis maklumat secara bertanggung-jawab amat penting bagi perniagaan kami.

## Privasi

Data peribadi hanya boleh dikumpulkan, diproses atau digunakan oleh SCHOTT setakat yang perlu untuk tujuan yang khusus, jelas dan sah. Selain itu, data peribadi disimpan mengikut teknologi yang canggih dan hanya dipindahkan dengan cara yang mematuhi undang-undang menggunakan kaedah komunikasi yang selamat.

Penggunaan data adalah telus bagi subjek data serta hak mereka untuk mendapatkan maklumat dan, jika berkenaan, untuk membuat bantahan, menyekat dan memadamkan data dilindungi.

## Perlindungan Maklumat

Melindungi maklumat dalaman dan rahsia perdagangan SCHOTT – termasuk tentang rakan kongsi perniagaan kami – adalah sangat penting bagi kejayaan dan survival SCHOTT.

Langkah perlindungan organisasi, teknikal dan undang-undang telah dilaksanakan untuk mengendalikan maklumat dengan kesedaran tentang keselamatan. Semua pekerja mesti mematuhi langkah ini dalam bidang tanggungjawab mereka untuk memastikan tahap perlindungan maklumat yang wajar di SCHOTT.

## Keselamatan Siber

Dalam persekitaran ancaman IT yang sentiasa berubah, adalah sangat penting untuk mengekalkan kerahsiaan, ketersediaan dan integriti sistem dan rangkaian komputer serta maklumat yang disimpan. Langkah yang dilaksanakan di SCHOTT adalah berdasarkan keperluan ISO 27001. Untuk memastikan langkah ini berkesan, semua pekerja mesti memberikan sumbangan secara aktif kepada keselamatan IT melalui sikap kesedaran keselamatan mereka sendiri.



**Kami melindungi pengetahuan yang memacu kejayaan kami**

# Tanggungjawab Kami terhadap Pematuhan



**Apabila anda melihat masalah, bersuaralah.  
Jika anda tidak pasti, tanya.  
Kami sedia membantu anda!**



Jika anda mempunyai sebarang keraguan tentang sama ada tindakan anda atau tindakan pihak ketiga mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, Tatakelakuan SCHOTT atau peraturan korporat lain, anda boleh menghubungi pengurus anda, wakil pematuhan yang bertanggungjawab bagi unit anda atau Pegawai Pematuhan SCHOTT.

Anda juga boleh melaporkan kemungkinan pelanggaran pematuhan menerusi Talian Bantuan Integriti SCHOTT dan mengekalkan kerahsiaan. Maklumat akan dimajukan kepada Pegawai Pematuhan melalui orang luaran yang dipercayai (yang dikenali sebagai ombudsman) atau secara elektronik. Identiti anda hanya akan didedahkan kepada Pegawai Pematuhan jika anda secara jelas bersetuju untuk berbuat demikian.

# Tanggungjawab Rakan Kongsi Perniagaan kami



SCHOTT telah menetapkan matlamat yang tinggi untuk dicapai dengan Tatakelakuan ini – dan kami mengharapkan perkara yang sama daripada rakan kongsi perniagaan kami. Terutamanya, kami meminta pembekal kami agar memberikan komitmen untuk turut berusaha untuk mencapai matlamat ini dan bekerjasama dengan mereka untuk meningkatkan prestasi kelestarian mereka.

## Skop & Pelaksanaan



Tatakelakuan ini terpakai untuk semua pekerja SCHOTT di seluruh dunia. Peraturan dan kawal selia dalam Kumpulan boleh menjelaskan Tatakelakuan ini, selagi peraturan dan kawal selia itu tidak bercanggah dengan prinsip asas yang dikemukakan di dalam ini.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, SCHOTT berusaha secara aktif untuk memastikan bahawa prinsip di atas diikuti dan dipatuhi.

Tatakelakuan ini disemak secara tetap oleh Pejabat Pematuhan untuk sebarang keperluan semakan. Perubahan mestilah diluluskan oleh Lembaga Pengurusan SCHOTT AG.

SCHOTT memantau pematuhan kepada Tatakelakuan ini secara tetap.





## Maklumat hubungan dan maklumat lanjut



Bincangkan keimbangan dengan penyelia anda atau Pejabat Pematuhan



Hantar e-mel kepada:  
[compliance.office@schott.com](mailto:compliance.office@schott.com)



Laporkan pelanggan melalui Talian Bantuan Integriti kami



Untuk mendapatkan maklumat lanjut,  
lihat di sini:





RESPONSIBILITY



**[schott.com](http://schott.com)**

SCHOTT AG, Hattenbergstrasse 10, 55122 Mainz, Almanya  
Telepon +49 (0)6131/66-0